



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12  
Tarikh : 26 Disember 2018

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2018**

Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TATACARA KELULUSAN TOLAKAN CUKAI KEPADA PENDERMA YANG  
MENYUMBANG KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA MENURUT  
SUBSEKSYEN 44 (6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti di lampiran. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,

**MOKSHIN BIN TUMIN**

Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia




MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: [bndahari@ukm.edu.my](mailto:bndahari@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my>

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
  - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: [bndahari@ukm.edu.my](mailto:bndahari@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my>



---

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2018**

---

**TATACARA KELULUSAN TOLAKAN CUKAI KEPADA PENDERMA YANG  
MENYUMBANG KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA MENURUT  
SUBSEKSYEN 44 (6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menerangkan tatacara kelulusan pengecualian cukai menurut subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

**LATAR BELAKANG**

2. UKM telah mendapat kelulusan pengecualian cukai pada 27 November 1968 di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Nombor rujukan kelulusan tersebut adalah LHDN01/35/42/51/179-6,1412 dan dikuatkuasakan bermula 27 November 1968 sehingga sekarang. Maklumat ini boleh dirujuk melalui laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) <http://www.hasil.gov.my>.

3. UKM diberi kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh LHDN seperti berikut;

- 3.1. Institusi ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi tujuan amal/ khairat dan bukan untuk tujuan mencari keuntungan.
- 3.2. Maksud amal/ khairat secara umumnya;
  - i. Amanah untuk meringankan kemiskinan
  - ii. Amanah untuk kemajuan pendidikan (Pembinaan)
  - iii. Amanah untuk kemajuan agama (Pembinaan)
- 3.3. Memberi khidmat/ manfaat kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

## **TAFSIRAN**

**4. Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967** menerangkan mengenai tolakan dan pengecualian cukai kepada penderma yang menyumbang kepada Universiti dalam bentuk wang tunai sahaja. Tolakan cukai tersebut diberi sebanyak maksimum 10% bagi syarikat dan 7% selain syarikat ke atas pendapatan agregat (tidak termasuk pendapatan dividen).

## **SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN TOLAKAN CUKAI KEPADA PENDERMA**

- 5.** Syarat-syarat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah seperti berikut;
- 5.1. Derma mestilah berbentuk wang tunai sahaja.
  - 5.2. Manfaat derma tidak boleh dinikmati oleh ahli Lembaga Pengarah Universiti, keluarga dan kakitangan UKM.
  - 5.3. Manfaat derma hanya untuk pelajar UKM tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.
  - 5.4. Tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi.
  - 5.5. Tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang kegiatan politik/ gerakan Kesatuan Sekerja termasuk membenarkan kewangan institusi/ kakitangan/ premis/ harta digunakan untuk tujuan tersebut.

## **PROGRAM/ AKTIVITI YANG LAYAK MENDAPAT PENGEUALIAN CUKAI DI UKM**

- 6.** Derma-derma yang diberikan bagi tujuan berikut layak diberi pengecualian cukai oleh UKM;
- 6.1. Pembinaan, pembesaran atau pembaikan institut dan fakulti di UKM tetapi tidak termasuk kompleks sukan, rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain.
  - 6.2. Pemberian sesuatu biasiswa atau hadiah untuk individu bagi kerja-kerja pelajaran atau kerja-kerja penyelidikan dalam sebuah sebuah institusi di UKM.
  - 6.3. Derma untuk pembangunan sahsiah dan aktiviti pelajar UKM.
  - 6.4. Derma untuk meringankan kesusahan di kalangan pelajar UKM sahaja.
  - 6.5. Derma untuk pembinaan atau penyelenggaraan sesebuah bangunan di UKM bagi tujuan ibadat atau kemajuan agama.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PTJ**

### **7. PTj mesti memohon kelulusan Naib Canselor untuk membuat sebarang kutipan derma.**

- 7.1. Setiap pungutan wang derma bagi menjayakan program yang dianjurkan mestilah menggunakan nama UKM dan perlu mendapatkan kelulusan Naib Canselor.
- 7.2. Bagi program anjuran pelajar, permohonan perlu disemak dan diperakukan oleh Pusat Pengurusan dan Pembangunan Mahasiswa (SISWA-UKM) sebelum mendapatkan kelulusan Naib Canselor.

### **8. PTj perlu memperolehi surat pemakluman mendapatkan tolakan cukai ke atas derma daripada Jabatan Bendahari.**

Surat kelulusan memungut wang derma daripada Naib Canselor perlu diserahkan kepada Jabatan Bendahari bagi menentukan sama ada program/ aktiviti yang dianjurkan tersebut layak atau tidak menerima pengecualian cukai.

### **9. PTj perlu membelanjakan wang derma mengikut tujuan asal kelulusan diberikan.**

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN BENDAHARI**

### **10. Jabatan Bendahari bertanggungjawab memastikan perkara berikut dipatuhi mengikut keperluan yang ditetapkan oleh LHDN;**

- 10.1. Menyemak dan meluluskan surat sokongan pengecualian cukai.
- 10.2. Memastikan semua kriteria permohonan dipenuhi.
- 10.3. Mengeluarkan resit rasmi UKM yang diperlukan oleh penderma bagi membuat tuntutan pengecualian cukai. Resit yang dikeluarkan mempunyai cetakan rujukan pengecualian cukai pendapatan seperti berikut;

**“Dikecualikan Cukai Pendapatan Di bawah Subseksyen 44(6)**

**Akta Cukai Pendapatan”**

**Ruj. LHDN.01/35/42/51/179-6, 1412**

**Tarikh Kuatkuasa : 27 November 1968**

**No. Warta Kerajaan : 994**

**Tarikh Warta Kerajaan : 30 Mac 1972**

- 10.4. Menyediakan maklumat lengkap penderma yang telah menderma sebanyak RM1,000.00 dan ke atas untuk dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDN. Maklumat tersebut hendaklah mengandungi perkara berikut;
  - i. Nama penuh
  - ii. Nombor Kad Pengenalan
  - iii. Alamat penuh
  - iv. Tarikh derma dibuat
  - v. Jumlah derma yang diterima
- 10.5. Memastikan wang derma yang diterima dibelanjakan mengikut peraturan dan ketetapan LHDN. LHDN menetapkan wang derma hendaklah dibelanjakan pada tahun berikutnya sekurang-kurang 50% daripada pendapatan dan derma yang diterima untuk mencapai objektif tersebut.
- 10.6. Menyediakan kaedah bayaran kutipan derma melalui kaedah kutipan di kaunter (kad kredit/ kad debit/ wang pos/ cek) dan atas talian (*e-payment*).

#### **Rujuk Carta Alir Permohonan Pengecualian Cukai di Lampiran 1**

11. Satu salinan penyata kewangan disatukan yang telah diaudit bagi setiap tahun taksiran perlu dikemukakan kepada Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan, LHDN selewatnya-lewatnya enam bulan selepas berakhir tahun kewangan.

#### **PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini hendaklah dipatuhi seperti mana peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDN.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Kutipan Hasil, Jabatan Bendahari di talian 03-89213151/ 5173.

Sekian, terima kasih.

***“Akauntabiliti Pegangan Kita”***

Yang benar,



**MOKSHIN BIN TUMIN**

Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
  - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM

CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PENGECUALIAN CUKAI

